


M A L A C C A.



# SKOLA GAMBAR Enrique de Malacca

Ahmad Fuad Osman

ILHAM 


The first circumnavigation around the world by the Magellan-Elcano expedition in 1519 has, over time, gained allegorical significance, marking the start of the age of globalisation. And yet, this story of heroism, tribulation and adventure is primarily told through a Eurocentric (Western-centric) lens.

Records show that among the 270 crew members who undertook the perilous three-year-long expedition on five ships was an enslaved Malay sailor and interpreter named Enrique de Malacca. This insight offers us an opportunity to revisit this historical moment, through the perspective of a person from the Malay Archipelago. *Skola Gambar Enrique de Malacca* is the fourth iteration of the *Enrique de Malacca Memorial Project* by Ahmad Fuad Osman. The project was previously exhibited at the Singapore Biennale (2016), the Sharjah Biennale (2019) and most recently at Ahmad Fuad Osman's mid-career solo exhibition at the National Art Gallery of Malaysia (2019–2020).

This present staging offers a response and a new perspective to the recent 500-year-anniversary of the circumnavigation. Drawing on the historical and presently unused Malay terminology for 'museum', *Skola Gambar* or 'picture school' repurposes a local interpretive frame to question the standard museological process, its authority over interpretations of the past, and the legitimisation of (grand) historical narratives. The artefacts assembled for display possess diverse provenance — some historical, some tenuously linked, some reproduced, some functioning as stand-ins and some that are simply fabricated, speculative and fantastical.

Even so, Ahmad Fuad Osman's creative approach is informed by historical thinking. The artist directs us to pay close attention to the different voices, claims and meanings that images and artefacts can activate. By assembling and staging a wide variety of *gambar-gambar*, the artist draws on the collage principles that underpin the museum's display operation to reveal the contested meaning-making processes that underlie the legacy of Enrique.

Moving beyond the simplistic binary of East versus West, *Skola Gambar* explores the *keramat* of images as powerful containers of memories, visions and ideas, that do not simply represent but actively shape collective historical consciousness. In doing so, the exhibition also explores the contours of history writing, to understand the shared values and competing claims on Enrique's identity and geographic affiliations across Malaysia, Indonesia and the Philippines.



Curated by Simon Soon  
in conversation with  
Felice Noelle Rodriguez

Pelayaran Magellan-Elcano mengelilingi dunia menjadi tanda bermulanya zaman globalisasi. Namun demikian, kisah tentang keperwiraan, kesengsaraan dan pengembaraan itu acap kali diceritakan melalui kaca mata Eropah (Barat).

Berdasarkan pelbagai catatan, salah seorang daripada 270 orang awak-awak yang berlayar selama tiga tahun dengan lima buah kapal itu adalah seorang pelayar dan penterjemah berketurunan Melayu bernama Enrique de Malacca. Kerana itu kita ingin kembali menjenguk titik sejarah ini melalui sudut pandang orang yang datang dari Kepulauan Melayu.

*Skola Gambar Enrique de Malacca* merupakan lelaran keempat daripada *Enrique de Malacca Memorial Project* yang dihasilkan oleh Ahmad Fuad Osman. Projek ini pernah dipamerkan di Singapore Biennale (2016), Sharjah Biennale (2019) dan paling terkini di pameran solo pertengahan kerjaya Ahmad Fuad Osman di Balai Seni Negara Malaysia (2019–2020).

Persembahan ini menawarkan tindak balas dan pandangan baharu terhadap pelayaran mengelilingi dunia yang kini memasuki ulang tahun ke-500. Dengan menggunakan istilah lama bagi 'muzium', *Skola Gambar* mengguna pakai kerangka pentafsiran tempatan untuk mempermasalahkan proses museologi yang piawai, kewibawaannya dalam menafsirkan masa lalu, dan keabsahan naratif-naratif (aliran utama) sejarah (*grand narratives*). Segala artifak yang dipamerkan datang dari pelbagai sumber — ada yang bersejarah, ada yang berkait secara samar-samar, ada yang dihasilkan semula, dan ada juga yang berbentuk gantian atau rekaan, telahan dan khayalan.

Biarpun demikian, pendekatan daya cipta Ahmad Fuad Osman tetap berpaut kepada sejarah. Seniman ini menuntun kita supaya menjadi lebih peka dengan gambar-gambar dan artifak-artifak yang melahirkan pelbagai jenis suara, dakwaan, dan makna. Beliau memanfaatkan prinsip-prinsip kolaj — yang merupakan asas kepada pameran muzium — dalam menghimpun dan mementaskan pelbagai jenis gambar. Dengan halus Fuad memasuki kesedaran sejarah kita untuk mencungkil naik kerencaman proses pemberian makna yang menggarisbawahi pusaka Enrique.

Dengan tidak mengendahkan dikotomi Timur lawan Barat, *Skola Gambar* menyelongkar *keramat* gambar sebagai tempat tersimpannya pelbagai ingatan, matlamat dan pemikiran yang mencerminkan dan membentuk kesedaran sejarah bersama. Oleh itu, pameran ini turut meneroka pelbagai raut tulisan sejarah untuk memahami nilai-nilai sepunya dan pelbagai percanggahan pendapat mengenai identiti dan tempat-tempat di Malaysia, Indonesia dan Filipina yang dikaitkan dengan Enrique.

# Kerangka (Structure)



- 1 Kacukan (Creole)
- 2 Peta (Picture)
- 3 Mare Liberum (High Seas)
- 4 Keramat (Afterlife)

The Skola Gambar is divided into four chapters: (1) Creole, (2) Picture, (3) High Seas, and (4) Afterlife. Additionally, each chapter contains three sections that address some of the important themes and issues that the artist and curators have explored over the course of their conversations. These texts serve as a reminder of the importance of historical thinking as well as the significance of an artistic approach to that thought process.

The smaller labels connected to specific artefacts on display contain fragmentary accounts and descriptive information, to facilitate the use of displayed artefacts as object lessons. The labels do not aim to provide visitors with definitive answers on history; rather, they briefly contextualise the artefacts on display, which may lead visitors to pay closer attention.

Visitors will have to piece together their own account and understanding of Enrique's life story through a range of sources. The four chapters do not need to be viewed in sequence. Exploring the connections between the themes and issues raised in this exhibition can be approached in a non-linear and interconnected manner.

Skola Gambar dibahagikan kepada empat bab: (1) Kacukan, (2) Peta, (3) Mare Liberum dan (4) Keramat. Setiap bab mengandungi tiga bahagian yang berbicara tentang beberapa tema dan isu penting hasil daripada perbualan seniman ini dengan para kurator. Tulisan pernyataan ini memberi isyarat tentang pentingnya sudut pandang sejarah serta pendekatan seni terhadap proses tersebut.

Label-label yang mengiringi setiap artifak mengandungi cebisan catatan dan pernyataan untuk membantu artifak yang dipamerkan menjadi objek pembelajaran. Label-label ini tidak menawarkan jawapan sejarah yang muktamad kepada para pelawat, sebaliknya memberi konteks kepada setiap artifak dipamerkan agar para pelawat dapat merenung dengan lebih dekat.

Para pelawat perlu mencantumkan sendiri pendapat dan pemahaman mereka tentang kehidupan Enrique melalui pelbagai sumber. Keempat-empat bab tersebut tidak perlu direnung berdasarkan turutan. Penerokaan hubungan antara tema dan isu-isu yang dibangkitkan di dalam pameran ini boleh sahaja dilakukan secara bersimpangsiur dan saling berhubung.

STUDENT LEARNING RESOURCE LABELS ARE LOCATED THROUGHOUT THE EXHIBITION

LABEL SUMBER PEMBELAJARAN PELAJAR DI TEMPATKAN DI SELURUH PAMERAN

Pertama kali saya membaca tentang Enrique de Malacca adalah melalui sebuah novel tulisan seorang pembaharu Melayu iaitu Harun Aminurrashid yang berjudul *Panglima Awang*. Saya menemuinya dalam himpunan buku-buku lama milik ibu saya pada tahun 1985. Buku yang diterbitkan pada tahun 1958 — setahun selepas Tanah Melayu merdeka — menjadi pertemuan pertama saya dengan sejarah-sejarah lain alam Melayu. Ianya diminati ramai kerana ditulis dengan cara yang dekat dengan rakyat. Pertemuan yang terjadi sewaktu saya sedang meningkat dewasa inilah yang akhirnya mendorong saya untuk melahirkan karya peringatan ini.

Sejarah mencatatkan bahawa pengembaraan Magellan-Elcano adalah sebuah pelayaran mengelilingi dunia yang pertama. Walau bagaimanapun, Ferdinand Magellan tidak menamatkan satu pusingan lengkap. Beliau dibunuh di kepulauan Mactan di Filipina. Awak-awak kapal yang terselamat meneruskan pelayaran mereka sehingga berlabuh di Kepulauan Rempah (Spice Islands). Salah satu daripada dua kapal yang terselamat berjaya pulang ke Eropah dengan diketuai oleh Juan Sebastian Elcano.

Salah seorang anak kapal Magellan terawal ialah seorang kelasi Melayu bernama Enrique yang diperhambakan oleh Magellan semasa penaklukan Melaka oleh Portugis pada tahun 1511. Lama-kelamaan, Enrique menjadi seorang wakil penting kepada Magellan, jurubahasa serta guru tentang pelbagai kebudayaan di Kepulauan Melayu. Dalam wasiatnya yang terakhir, Magellan ada menyebut bahawa Enrique perlu ‘dibebaskan’ setelah dia mati dan menurut pelbagai catatan sejarah, sosok Enrique dilihat buat kali terakhir di pulau Mactan, tidak lama setelah kematian Magellan.

Kerana tidak ada banyak bukti, kita akhirnya berpaut kepada andaian. Mungkinkah Enrique pulang ke Melaka setelah beliau dibebaskan? Jika begitulah hakikatnya, adakah Enrique orang yang pertama berjaya mengelilingi dunia kerana dia telah melengkapkan perjalanan ke Eropah selepas Magellan membawanya pulang sebagai hamba? Seperti apa gamaknya wajah dunia jika penerokaan dilakukan melalui sudut pandang Enrique, seorang hamba dari Kepulauan Melayu yang menjadi pengembara di tanah-tanah asing, dan seorang yang berjalan di atas batas pelbagai kebudayaan?

*Enrique de Malacca Memorial Project* dihasilkan melalui bukti-bukti arkeologi, temu bual dengan para cendekiawan, catatan-catatan agama, dan dongeng-dongeng yang saya kumpulkan sejak bertahun-tahun. Ia merupakan suatu usaha untuk mewujudkan sebuah arkib khusus buat seorang sosok yang hilang dalam sejarah. Kita tidak tahu apa nasib Enrique. Jati diri, ketaatan, dan namanya ditempel oleh pelbagai kisah khayali. Projek ini menemukan saya dengan pelbagai ‘hayat sesudah mati’ seorang sosok bersejarah yang popular di Malaysia, Indonesia dan Filipina. Dalam konteks pasca-penjajahan, Enrique menjelma dalam pelbagai bentuk baharu di negara-negara ini. Kesemuanya memiliki keperibadian tersendiri seperti Enrique de Malacca, Enrique de Cebu, Enrique Maluku, Daeng Malik Siluak, Henrique, Henry, Heinrich, Panglima Awang, dan sebagainya.

— Ahmad Fuad Osman

## AHMAD FUAD OSMAN

Born in 1969 in Kedah, Malaysia, Ahmad Fuad Osman graduated with a BA in Fine Art from MARA Institute of Technology (now UiTM) in 1991. In the 1990s, Fuad was involved in the Malaysian film and theatre industry, and this period influenced a shift in his artistic practice from Neo-Expressionist painting to conceptual multi-disciplinary works encompassing installation, sculpture, print and video. Socio-political themes have long been a key concern as he investigates subject matters including identity politics, the abuse of power and historical amnesia. Using a potent mix of wit and philosophy Fuad speaks to broad spectrums of society on challenging subjects.

Recent years have shown a conceptual turn for Fuad with an interest in the veracity of truths, alternate histories and contesting or reinterpreting of existing histories emerging. This characteristic comes through in *Recollections of Long Lost Memories (2007/08)*, which won Jurors' Choice Award at the APBF Signature Art Prize (2008) in Singapore, and his more recent work, 'Enrique de Malacca Memorial Project'. Drawing on historical accounts, texts and archives, Fuad pieces together fragments of evidence and conflicting narratives, finding creative ways to fill in gaps. As such his recent practice not only reconsiders historical narratives, but opens up possibilities of contesting and rewriting established canons.

Fuad has exhibited internationally including *Cast But One Shadow: Afro Southeast Asian Affinities* at UP Vargas Museum, Manila Philippines 2021/22, 'Blackout' at Kunsthal Rotterdam 2019, at Sharjah Biennale's *Leaving The Echo Chamber* 2019, *Singapore Biennale: An Atlas of Mirrors*, Singapore, 2016; *Multiple Languages*, Silverlens Gallery, Makati, Manila, Philippines, 2014; *Welcome to the Jungle: Contemporary Art in Southeast Asia From the Collection of Singapore Art Museum*, Yokohama Museum of Art, Japan, 2013, and participated in residencies including the Vermont Studio Centre, USA (2004), Goyang National Art Studio, South Korea (2005–2006) and Rimbun Dahan, Malaysia (2007–2008). His works can be found in the collections of National Art Gallery (Malaysia), Petronas Gallery (Malaysia), Singapore Art Museum, and KADIST amongst others.

Ahmad Fuad Osman lahir pada tahun 1969, di Kedah. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Seni Halus dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 1991. Pada tahun 1990-an, Fuad bergiat dalam industri teater dan fileman Malaysia sehingga mendorong beliau untuk melakukan anjakan dalam amalan keseniannya. Beliau bergerak dari amalan kesenian Neo-Expressionisme kepada menghasilkan karya-karya konseptual pelbagai disiplin seperti instalasi, arca, media cetak dan video. Fuad juga intim dengan tema sosio-politik misalnya politik identiti, masalah penyalahgunaan kuasa dan penyakit lupa sejarah. Dengan falsafah dan kecerdasan, Fuad berbicara kepada segala macam orang tentang segala macam hal.

Sejak kebelakangan ini, Fuad mengalihkan minat kepada persoalan kebenaran sesebuah hakikat, sejarah-sejarah yang tidak didendang, dan mencabar atau mentafsirkan semula naratif sejarah sedia ada. Hal ini terserlah dalam *Recollections of Long Lost Memories (2007/08)*, yang telah memenangi *Juror's Choice Award of APBF Signature Art Prize (2008)* di Singapura). Begitu juga dengan karya terbarunya iaitu 'Enrique de Malacca Memorial Project'. Dengan merujuk pelbagai catatan, teks dan arkib sejarah, Fuad mencantumkan pelbagai serpihan cerita dan riwayat yang saling bercanggah, kemudian mengisi kekosongan yang ada dengan cara kreatif. Minat terbaharunya ini tidak hanya bertindak mempersoalkan semula naratif sejarah, tetapi juga membongkar segala kemungkinan terhadap upaya mencabar lalu mengarang semula hukum-hukum yang sudah termapan.

Karya-karya Fuad sudah berada di pentas antarabangsa termasuklah karya *Cast But One Shadow: Afro Southeast Asian Affinities* di UP Vargas Museum, di Manila, Filipina (2021/22), 'Blackout' di Kunsthal Rotterdam 2019 dan di Sharjah Biennale: *Leaving The Echo Chamber* 2019, *Singapore Biennale: An Atlas of Mirrors di Singapura* 2016; *Multiple Languages* di Silverlens Gallery, Makati, Manila, Filipina 2014; *Welcome to the Jungle: Contemporary Art in Southeast Asia From the Collection of Singapore Art Museum* di Yokohama Museum of Art di Jepun 2013. Beliau juga pernah menyertai pelbagai sua seni seperti di Vermont Studio Centre, USA (2004), Goyang National Art Studio, Korea Selatan (2005–2006) dan Rimbun Dahan, Malaysia (2007–2008). Karya-karya beliau boleh disaksikan di Balai Seni Negara (Malaysia), Galeri Petronas (Malaysia), Singapore Art Museum, dan KADIST.

# Kacukan (Creole)

---

1

16<sup>th</sup> century Gun  
Powder Flask  
Faksimil: Kayu  
15 × 5,5 × 18 cm

Sebuah kelalang serbuk peledak abad ke-16 dengan reka bentuk tiga segi gaya Eropah klasik. Ia memiliki lubang-lubang yang disambungkan dengan gelung besi untuk disilang di bahu. Serbuk peledak dicurahkan dengan menekan ruang lengkung berhampiran dengan muncungnya.

---

2

Gunpowder Flask  
c. 1500s  
Tanduk  
23 × 7 (diameter) × 2 cm

Kelalang yang menjadi tempat menyimpan serbuk peledak ini digunakan bersama senapang lantak. Semasa pendudukan dan penjarahan pertama Portugis ke atas Kota Melaka pada tahun 1511, pihak Portugis menemui lebih daripada 3000-4000 pucuk senapang lantak dalam pelbagai bentuk dan saiz. Malangnya, banyak daripada senjata dan harta yang dirampas daripada istana Melaka telah tenggelam di laut bersama kapal Flor De La Mar akibat ditiup ribut pada tahun 1512.

---

3

Cast-Bronze Half Cannon  
c. 1500s  
88.7 × 25.5 × 26.5 cm

Sebuah meriam separuh dari awal Abad ke-16. Meriam ini pada kebiasaannya dihasilkan di Mediterranean Barat. Kapal-kapal Sepanyol dan Portugis dilengkapi dengan Meriam ini dan menggunakannya sebagai meriam pusing angkatan laut.

'Trinidad' merupakan kapal laksamana dalam armada Magellan. Ia juga merupakan kapal termahal daripada lima buah kapal dalam Armada de Molucca (Victoria, Concepcion, Santiago, Trinidad dan San Antonio). Dalam kelima-lima kapal ini, salah satunya hilang di laut (Santiago), sementara satu kapal lain meninggalkan pelayaran tersebut (San Antonio) di Amerika Selatan dan pulang ke Sepanyol. Kapal Concepcion dimusnahkan dan dibakar oleh awak-awak dan hilang di Cebu di Filipina pada 21 Disember 1521 selepas Magellan dibunuh. Dua kapal lain adalah Victoria, dengan Juan Sebastian Elcano yang menjadi kaptenya dan Trinidad yang diketuai oleh Gomez de Espinosa. Kapal Trinidad dilabuhkan di Moluccas selama 4 bulan setelah kapal tersebut rosak teruk akibat pertempuran di Mactan. Sementara kapal Victoria berlayar pulang ke Sepanyol melalui India dan Afrika, kapal Trinidad diarahkan pulang melalui lautan Pasifik dan Atlantik. Walau bagaimanapun, kapal Trinidad tidak berjaya pulang kerana telah ditawan oleh Portugis dan kemudiannya hancur akibat ribut semasa dalam tahanan Portugis.

---

4

16<sup>th</sup> century Cannon Balls  
(c. 1500s)  
Besi  
Berbagai saiz  
(13 / 30.5 / 34 cm)

---

**5** *An assortment of musket balls (c. 16<sup>th</sup> century)*  
Besi  
Purata lilitan antara  
4.5–6.2 cm

Pelbagai jenis peluru senapang lantak yang diperbuat daripada besi. Peluru-peluru ini dikatakan dihasilkan di Pahang dan di Johor semasa zaman Kesultanan Melaka.

---

**6** *Small signal cannon (tarikh tidak diketahui)*  
Gangsa

Seni menempa besi diamalkan di Kesultanan Brunei sejak abad ke-16 lagi kerana wujud kegiatan perdagangan dengan China, India, dan Timur Tengah.

---

**7** *16<sup>th</sup> century rubble from Portuguese's A Famosa Fortress, Malacca*  
Laterite stone (c. 1500s)  
15 × 14.5 × 21 cm

---

**8** *Blue and White ceramic bowl, Ming Dynasty (1368–1644)*  
42 × 5.7 × 20.7 cm,  
46 × 6 × 20 cm

---

**9** *Fragments of Blue and White Ming Dynasty ceramics (1368–1644)*  
Berbagai saiz antara  
2.7–6.2 cm

Seramik yang dihasilkan secara besar-besaran di China mendapat permintaan yang tinggi di merata dunia. Walaupun berasal dari China, kegunaannya menjadi pelbagai apabila sudah berinteraksi dengan kepercayaan dan amalan kebudayaan tempatan di seluruh dunia. Selain daripada menjadi tempat meletak makanan dan minuman, seramik-seramik ini juga turut dianggap sebagai barang pusaka yang menjadi tempat untuk meletak ubat-ubatan dan bahan-bahan sihir di Borneo, perhiasan batu nisan bagi kaum bangsawan Afrika, serta digunakan sebagai perhiasan dalam seni bina istana-istana Eropah.

---

**10** *A molded and carved Longquan celadon plate from the Yuan dynasty late 13<sup>th</sup> to early 14<sup>th</sup> century (c. 1279–1368)*  
35.7 cm (diameter)

Sebuah mangkuk celadon sepuh berwarna hijau zaitun dengan motif naga dan awan yang diukir dengan terperinci.

Perkakasan seramik jenis ini dieksport dari empayar Yuan ke Melaka. Biarpun perkakasan seramik digunakan oleh masyarakat setempat, para pedagang turut menjadikan Melaka sebagai pusat pemungghahan barangan yang kemudiannya akan memperdagangkan barangan tersebut ke pelbagai tempat di Asia, Timur Tengah dan Eropah.

---

**11** *Tasbeeh/Misbaha (Prayer beads) c. 16<sup>th</sup> century*  
Tulang unta  
35 × 51 cm

Satu set tasbih orang Islam yang berasal dari Morocco. Ia diperbuat daripada tulang unta yang disambungkan menggunakan tali.

---

**12** *Liturgical Comb (c. 16<sup>th</sup> century)*  
Faksimil: 2016  
Tulang lembu  
9.2 × 14.7 × 0.3 cm

Perhiasan dan sikat rambut yang diperbuat daripada tulang lembu.

---

**13** *Ptolemy World Map (printed, 1482)*  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
40 × 57 cm

Ptolemy (c. 100–178) merupakan seorang ahli geografi dan astronomi yang penting dari zaman Rom Kuno. Peta ini tertulis pelbagai maklumat berharga yang dcedok daripada bukunya yang terkenal iaitu 'Geographia'. Karya beliau membantu para pelukis peta menentukan saiz bumi, dan koordinat bagi tempat-tempat dan bentuk muka bumi yang terdapat di dalam peta tersebut.

Walaupun banyak pengiraan yang dilakukan oleh Ptolemy kemudiannya terbukti salah, pengenalan kepada matematik dan gagasan pengukuran tepat mampu mengubah sifat kerja menghasilkan peta yang dilakukan oleh orang Eropah.

Sebelum 'Geographia' diterjemahkan daripada bahasa Greek ke bahasa Latin pada tahun 1407, kerja melukis peta bagi orang Eropah zaman pertengahan adalah berdasarkan kepada perkadaran sesebuah negara dan peri penting sesebuah tempat tersebut (semakin penting sesebuah negara itu, semakin besar saiznya di dalam peta).

---

**14**

Herrera y Tordessilas  
*Descripcion de las Indias  
del Poniente (first printed,  
1601)*  
Hand-tinted  
copperplate map  
32 × 45 cm

Peta terawal yang menyebutkan semua pulau di Filipina; ia berdasarkan manuskrip peta dunia (c. 1575) yang dilukiskan oleh ahli kartografi istana iaitu Juan Lopez de Velasco. Herrera yang dilantik oleh Raja Philip II sebagai ahli pensejajaran Hindia pertama, mengabdikan hidupnya menulis kisah-kisah Empayar Sepanyol, berpandukan dokumen-dokumen rasmi negara. Beliau melakarkan garis sempadan yang memisahkan wilayah pengaruh Portugis dan Sepanyol tidak jauh dari bahagian timur Melaka iaitu pusat perdagangan rempah Hindia Timur di bawah jajahan Portugis. Lakaran ini seolah-olah memberikan Sepanyol lingkungan pengaruh yang lebih luas ke atas Asia dan Pasifik. Penempatan Sepanyol di Manilla (diasaskan pada 1571) yang terletak di pulau Luzon di Filipina, ditandakan dengan ikon merah sebuah gereja. Ini mungkin menunjukkan bahawa wujudnya sebuah katedral Katolik, yang dibina pada tahun 1581 (atau merujuk kepada gereja kedua yang dibina pada tahun 1592).

---

**15**

Antonio Pigafetta  
*Journal Maps of  
Magellan's Voyage to the  
Spice Islands (c. 1521)*  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
Berbagai saiz

Undertaken in the service of Spain, these first-hand accounts of the voyage are from the journal of Venetian nobleman and scholar Antonio Pigafetta (1480/91–1534). This set of three maps are extracted from the 23 hand-drawn coloured maps that accompany each of the published manuscripts, of which survived, one in Italian and three in French.

---

**16**

*Amboyna, Banda Neira  
attributed to De Bry 1606*  
Ukiran  
Antique print on hand  
laid (verge) paper  
34.5 × 20.5 cm

---

**17**

Dirk de Jong  
*View of Ternate c. 1784*  
Ukiran  
Faksimil: Cetakan UV  
atas kertas  
28 × 38 cm

Lakaran jenis turisan ini memaparkan letusan gunung berapi Gamalama dengan pemandangan luas Pulau Ternate, sebuah pulau rempah yang utama di wilayah kepulauan Maluku. Pulau ini juga pernah menjadi ibu kota kepada Kesultanan Ternate yang bersaing dan bersengketa dengan kerajaan jirannya iaitu Tidore. Sultan Ternate bersekutu dengan Portugis dan memberi kebenaran kepada Portugis untuk membina sebuah kota di pulau tersebut. Apabila kapal-kapal pelayaran Magellan-Elcano yang masih tersisa sampai di kepulauan rempah, mereka cepat-cepat menjalinkan hubungan dengan pesaing Ternate iaitu Sultan Tidore.

---

**18**

Ahmad Fuad Osman  
*Botanical illustrations  
of cloves and nutmeg*  
2016  
Cat air dan grafit atas  
kertas  
20 × 20 cm

Bunga cengkih (*Sygzizium aromaticum*) merupakan tunas bunga yang berbau wangi daripada pokok Myrtaceae. Ia merupakan salah satu daripada rempah-ratus dari Kepulauan Maluku yang paling mahal pada tahun 1500-an dan sangat terkenal kerana khasiat perubatannya serta sebagai penambah rasa masakan.

Buah pala merupakan benih kepada sejenis pokok yang secara sejarahnya hanya boleh ditemui di Kepulauan Banda di Maluku (Kepulauan Rempah). Kerja penuaian pertama pokok buah pala hanya boleh dilakukan selepas 7-9 tahun tempoh semaian. Pokok tersebut hanya akan matang selepas dua puluh tahun.

Rempah-ratus ini disemai, dikeringkan, dan diproses oleh para penduduk di kepulauan Maluku sebelum dipasarkan ke pasaran dunia.



---

**19**

Sebastian Munster  
*India Extrema – XIX –  
Nova Tabula (printed,  
1545)*  
Faksimil: Cetakan  
UV atas kertas  
35 × 47 cm

Sebastian Munster (1488–1552) merupakan seorang ahli kartografi dan kosmografi Jerman. Beliau dianggap sebagai salah seorang daripada pelukis peta yang paling penting pada abad ke-16.

Peta ini merupakan peta Asia bercetak pertama yang beliau hasilkan. Dengan berpandukan kepada karya Ptolemy, peta yang dinamakan sebagai '*India Extrema*' ini memasukkan sekali tanah-tanah yang baharu ditemui. Tanah-tanah ini termasuklah kota kara Portugis seperti Goa dan Calicut yang menjadi tempat Vasco da Gama berlabuh pada tahun 1497, 'Taprobana' yang dinamakan sebagai 'Sumatra', pelabuhan 'Malaqua', Jawa sebagai dua pulau berasingan, dan 'Moloca' iaitu kepulauan rempah terkenal yang menjadi objek persengketaan antara Sepanyol dan Portugal. Lautan Pasifik masih belum dicartakan. Dalam peta ini, lautan tersebut digambarkan sebagai sebuah gugusan pulau-pulau.

---

**20**

Bellin  
*Malacca (printed, 1754)*  
Faksimil: Cetakan  
UV atas kertas  
28 × 38 cm

Port of Malacca during the Dutch period (1641–1825).

---

**21**

*Hukum Kanun Melaka /  
Malaca Code of Law 1664*  
Replica of bound  
manuscript 2019  
20.5 × 14.5 cm  
National Library of  
Malaysia collection

'Hukum Kanun Melaka' merupakan kanun perundangan pertama milik Kesultanan Melaka yang muncul sekitar tahun 1400-an. Manuskrip ini digunakan sebagai kanun undang-undang bagi tanah, sementara 'Undang-Undang Laut Melaka' digunakan untuk mengatur hal ehwal laut. Manuskrip ini disalin oleh Sayid Al-Syarif Jamaludin Ibn Sayid Al-Syarif Abdullah di Mataram pada tahun 1664. Ia mengandungi undang-undang Melaka semasa pemerintahan Sultan Muhammad Shah, sultan Melaka yang ketiga (1422–1444).

---

**22**

*Fortaleza de Malaca*  
(c. 1630)  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
40 × 33 cm

Sebuah lakaran bersudut yang terdapat dalam buku Manuel de Faria e Sousa yang berjudul *Asia Portuguesa* (1630). Lakaran ini melakarkan wajah Melaka setelah satu abad berada di bawah penjajahan Portugis. Halaman kota yang menjadi pusat pentadbiran Portugis di Melaka ini dikelilingi oleh dinding-dinding yang dikawal selia dengan ketat. Kawasan di seberang jambatan yang terletak di bahagian kiri lakaran ini merupakan sebuah kawasan pekan, tempat berlangsungnya kegiatan perdagangan.

---

**23**

*Malaccan Spears I*  
(c. late 16<sup>th</sup> century)  
steel, wood, brass  
Full length: 133 cm

*Malacca Spear II*  
(c. late 16<sup>th</sup> century)  
steel, wood, brass  
Full length: 150 cm

Senjata jenis ini digunakan dengan cara membaling, menusuk, atau melibas. Senjata ini lebih berat di bahagian kepala. Dalam pertarungan, senjata lembing ini digunakan untuk membunuh komander, Raja atau Sultan.

---

**24**

*Malay Kris*  
(c. 16<sup>th</sup> century)  
Steel, wood, brass,  
horn  
Scabbard: 58 × 12 × 3 cm  
Blade: 66 × 7 × 5 cm

Keris yang dikenali sebagai *Kris Penyalang* atau *menyalang* ini digunakan dengan mencucuknya di bahu sehingga tembus ke jantung. Bilahnya diperbuat daripada keluli damasen. Sarungnya pula diperbuat daripada kayu bertatah tembaga dan tanduk lembu.

---

**25**

*Malay Badek*  
(c. 16<sup>th</sup> century)  
Steel, wood, brass,  
horn  
Scabbard:  
35 × 7.5 × 2 cm  
Blade: 40 × 5 × 3 cm

Sebuah senjata pertahanan diri yang dicipta oleh orang Bugis dan Makassar di Sulawesi Selatan. Senjata ini digunakan oleh masyarakat Melayu sejak berabad-abad lamanya, dan sangat digemari selain daripada Keris.

---

**26** **Lawi Ayam**  
(tarikh tidak diketahui)  
Steel, wood, brass,  
horn  
Scabbard:  
12.5 × 5.5 × 2.5 cm  
Blade:  
10 × 1.2 × 6 cm

Pisau yang berbentuk seperti kuku harimau ini terkenal di seluruh Kepulauan Melayu. Ia merupakan sejenis senjata sembunyi yang digunakan sebagai jalan terakhir dalam pertarungan bersemuka.

---

**27** **Linschoten**  
**The Malays and the**  
**Javanese (printed, 1596)**  
Antique copper engraving, original print on hand-laid (verge) paper  
35.5 × 30.3 cm

Keterangan ini menuliskan bahawa: "Penduduk Melaka merupakan penutur yang terbaik, paling sopan dan penuh berahi di Hindia Timur. Penduduk Jawa degil dan keras kepala". Turisan ini diambil daripada buku *Itinerario* karya Jan Huyghen van Linschoten, 1596.

---

**28** **Unknown author, c. 1540**  
**Biblioteca Casanatense,**  
**Rome.**

Lakaran tanpa nama abad ke-16 milik Portugis yang diambil daripada kodeks berjudul *Código Casanatense*, atau Kodeks Casanata. Pernyataan tersebut berbunyi: "Orang bukan Yahudi dari Kerajaan Melaka yang dipanggil Malayos".

---

**29** **Marlin bone dagger**  
(c. 16<sup>th</sup> century)  
44 × 4.5 × 1.5 cm

Pisau belati berukir yang diperbuat daripada tulang ikan mersuji (*marlin*) ini mungkin milik awak-awak Armada de Molucca. Senjata-senjata buatan sendiri seperti ini selalunya dihasilkan supaya tahan lama.

---

**30** **Protection cane**  
(tarikh tidak diketahui)  
28 × 4.5 × 1.5 cm

Sebatang kayu daripada akar pokok yang telah membatu. Ia dipercayai mampu memberikan kuasa sakti kepada memilikinya. Kayu tersebut sama kerasnya dengan batu. Tongkat ini dikatakan diperturunkan kepada pelbagai generasi Enrique.

---

**31** **16<sup>th</sup> century Portuguese**  
**Sword**  
Faksimil 2019  
Steel, brass  
Full length: 77.5 cm

Orang Portugis sangat mementingkan titah dan kekuasaan. Tidak ada peralatan lain yang mencerminkan dua nilai ini selain daripada pedang. Walaupun kod kesatriaannya memiliki matlamat dan cita-cita yang mulia, lambang ini turut memiliki sisi gelapnya. Pedang boleh menyebabkan pertumpahan darah, persengketaan, dan pergolakan. Malah, pada hari ini, pedang menjadi peringatan kepada kerosakan besar yang terjadi akibat penjajahan Eropah.

---

**32** **Portuguese Armada**  
**Helmet (16<sup>th</sup> century)**  
32 × 32 × 22.4 cm

Objek ini turut dikenali sebagai 'topi keledar morian terbuka' dari Kerajaan Castile (Sepanyol) abad ke-16 sehingga awal abad ke-17.

---

**33** **Candle holder**  
(tarikh tidak diketahui)

---

**34** **Medicine Container**  
(tarikh tidak diketahui)  
Horn, wood, beads,  
string  
14 × 12 cm

Bekas ubat-ubatan ini mungkin dihasilkan di Sepanyol semasa pemerintahan Arab antara abad ke-8 sehingga abad ke-15. Para sarjana mengatakan bahawa asal-usul penggunaan tanduk sebagai tempat untuk menyimpan ubatan basah bermula di Asia.

---

**35** **Gunpowder Flask**  
(c. 16<sup>th</sup> century)  
Wood  
15 × 5.5 × 18 cm

Sebuah kelalang serbuk peledak abad ke-16 dengan reka bentuk tiga segi gaya Eropah klasik. Ia memiliki lubang-lubang yang disambungkan dengan gelung besi untuk disilang di bahu. Serbuk peledak dicurahkan dengan menekan ruang lengkung berhampiran dengan muncungnya.

# Keramat (Afterlife)

---

**36** 16<sup>th</sup> century Malacca  
Men's Attire  
Reproduction 2016  
Ketinggian keseluruhan: 182 cm

Pakaian ini merupakan pakaian orang berdarjat tinggi di Melaka pada abad ke-16. Baju dan seluaranya diperbuat daripada kapas yang diwarnakan dengan warna semula jadi. Kain yang diikat di pinggang dipanggil sebagai 'samping'. Topinya—yang digelar sebagai 'tengkolok' atau 'destar'—merupakan sejenis kain lepas yang dilipat dan diputarakan di kepala untuk melindungi dahi daripada terkena pancaran cahaya matahari. Para sarjana percaya bahawa perhiasan kepala tersebut adalah saduran daripada serban yang dipakai oleh para pendakwah Islam.

---

**37** Malacca Court Sandal  
Faksimil 2016  
Kulit  
27 × 14 cm

Selipar istana yang dikenali sebagai 'capal' ini dipakai oleh para elit dan pendekar Melaka sebagai sebahagian daripada pakaian rasmi mereka. Tali *capal* ini diperbuat daripada kulit lembut manakala tapak atas dan bawah selipar ini diperbuat daripada lapisan kulit yang dikeraskan.

---

**38** Enrique's Timeline  
Cetakan UV atas  
aluminium  
104 × 204 cm

---

**39** 16<sup>th</sup> century Spanish/  
Portuguese's Sailor's  
Attire  
Faksimil 2016  
Ketinggian  
keseluruhan: 182 cm

Pakaian para pelayar Abad ke-16 biasanya diperbuat daripada kapas yang disulam renggang. Kain pinggang digunakan untuk mengikat seluar. Kain ini juga menjadi tempat untuk menggantungkan pedang.

---

## TAYANGAN VIDEO

---

**Waris (Heir)**  
2016–2019  
Video saluran tunggal  
24 min 6 sec

Di Negeri Sembilan, terdapat sebuah kampung yang penduduknya percaya bahawa nenek-moyang mereka boleh dijejak sejauh 15 generasi sehingga kepada Datuk Laut Dalam yang menubuhkan kampung mereka itu. Datuk Laut Dalam merupakan sebuah pangkat yang mulia, dan orang kampung percaya bahawa beliau sebenarnya adalah Enrique de Malacca. Kuburnya masih dijaga oleh orang kampung sehingga ke hari ini. Video ini merakam pertemuan antara Ahmad Fuad Osman bersama generasi Datuk Laut Dalam yang ke-15 di sebuah kampung kecil di Negeri Sembilan, Malaysia pada tahun 2016.

---

**40** 16<sup>th</sup> century Spanish  
Armada Shoes  
Faksimil 2016  
Leather  
27 × 14 cm

Kasut tirus jenis babus untuk lelaki ini diperbuat daripada kulit yang diperang secara semula jadi. Jenis kasut ini sangat dipengaruhi oleh tradisi masyarakat Islam Sepanyol, dan masih dapat ditemui di Morocco pada hari ini.

---

**41** Menurut masyarakat  
tempatan, kubur ini  
dipercayai milik Datuk  
Laut Dalam. Kampung  
Padang Lekuk, Rembau,  
Negeri Sembilan,  
Malaysia

---

**42** Armada de Molucca  
Senarai Krew  
Cetakan UV atas  
aluminium  
104 × 204 cm

Senarai penuh nama awak-awak dan tugas-tugas mereka. Senarai ini membahagikan awak-awak kepada lima buah kapal. Secara umum, kelima-lima kapal ini dikenali sebagai Armada de Molucca — nama armada Magellan yang berlayar ke Kepulauan Rempah pada tahun 1519–1522.

---

**43** List of Publications  
written on Enrique de  
Malacca from Malaysia,  
Indonesia, Philippines  
and the U.S.A.

DARI KIRI KE KANAN

- 1 Enrique el Negro (Enrique The Black) oleh Carla M. Pacis, 2002 (Filipina)
- 2 Enrique Melaka, Melayu Pertama Mengelilingi Dunia oleh Abdul Latip Talib, 2016 (Malaysia)
- 3 Longitude oleh Carlos Cortes, 1998 (Filipina)
- 4 Panglima Awang/Enrique Melaka: Melayu Pertama Mengelilingi Dunia oleh Professor Dato' Dr. Nik Hassan Suhaimi bin Nik Abdul Rahman, Professor Madya Dr. Khazin bin Mohd Tamrin, Yahaya Abu Bakar, Professor Madya Dr. Shaiful Bahri bin Md. Radzi, 2010 (PERZIM Malaysia)
- 5 Enrique Maluku oleh Helmy Yahya dan Reinhard R. Tawas, 2014 (Indonesia)
- 6 Panglima Awang, Penguasa Lima Lautan oleh Rosli Mohd Sah, 2014 (Malaysia)
- 7 Panglima Awang oleh Harun Aminurrashid, 1983 (Malaysia)

---

**44** Carved terracotta head  
(tarikh tidak diketahui)  
5.4 × 10.8 cm

Serpihan arca yang dikatakan memaparkan wajah Raja Humabon yang dibaptiskan menjadi Don Carlos. Beliau merupakan Rajah di Cebu ketika beliau pertama kali bertemu dengan Magellan dan Enrique pada tahun 1521.

---

**45** Wafaq and Talismanic  
Container (tarikh tidak  
diketahui)  
Arabic script on vellum,  
silver  
5.7 × 4.5 cm

Tangkal perak ini dikenali sebagai 'Wafaq'. Ia mempunyai sebuah bekas kapsul luaran yang menjadi tempat untuk menyimpan kertas yang tertulis doa/mantera berbahasa Arab bagi tujuan perlindungan ilahi. Tangkal jenis ini dipakai di leher atau pinggang. Isi tangkal ini biasanya dirahsiakan atau tidak didedahkan kepada orang lain.

# Peta (Picture)

## 46

**Tordessillas Map**  
(printed, 1502)

Faksimil:

Cetakan UV atas kertas  
40 × 80 cm

Peta ini adalah hasil daripada 'Perjanjian Tordessilas' yang ditan-datangani pada tahun 1494. Ia membahagikan tanah-tanah di luar Eropah iaitu Empayar Portugis dan Kerajaan Kastil di sepanjang garis meridian bagi 370 buah liga, di bahagian barat kepulauan Cape Verde, berhampiran pantai barat Afrika. Peta ini dinamakan sebagai 'Cantino Planisphere' (atau Peta Dunia Cantino), bersempena nama Alberto Cantino, seorang ejen kepada Wakil Raja Ferrara, yang berjaya menyeludup keluar peta itu dari Portugal ke Itali pada tahun 1502. Saiz asalnya adalah berukuran 220 × 105 cm.

Planisfrera ini merupakan peta terawal yang memaparkan penemuan-penemuan geografi bahagian Timur dan Barat oleh orang Portugis. Peta ini terkenal kerana ia menggambarkan pesisir pantai Brazil secara terperinci, dan menggambarkan pesisir pantai Afrika di Lautan Atlantik dan Hindia dengan sangat tepat dan terperinci.

Peta ini mendedahkan kawasan-kawasan Dunia Baharu yang telah ditakluk oleh orang Sepanyol dan Portugis. Ia menggariskan batas-batas yang boleh diterokai oleh Sepanyol ke sebelah barat, dan Portugal ke sebelah timur. Hal ini telah memperkukuhkan lagi alasan Magellan untuk mencari laluan lain dari Barat ke kepulauan Rempah yang kemudiannya boleh melanjutkan lagi pengaruh Sepanyol dalam kegiatan perdagangan.

## 47

**BOCARRO, António**  
(1594–1642)  
*Livro Das Plantas de Todas as Fortalezas, 1635*  
*Book of plans for all fortresses, cities and towns in the State of Eastern India*  
Cat air atas kertas  
(48 keping)  
Biblioteca Nacional de Portugal

Semasa Antonio Bocarro sedang bekerja sebagai penjaga arkib di Goa, India, beliau telah menghasilkan sebuah pengukuran bagi wilayah-wilayah jajahan Portugis di timur jauh, termasuklah sebuah catatan terperinci tentang sumber-sumber pendapatan bagi setiap wilayah tersebut. Lakaran-lakaran yang disertakan bersama itu dilukis oleh Pedro Barreto de Resende. Setiap lakaran biasanya memaparkan sesebuah kota dan pemandangan di sekitarnya. Secara umum, semua lakaran ini memaparkan kerangka pembinaan empayar Portugis sebagai satu siri kota yang menandai laluan-laluan laut, membentuk suatu rantaian penawaran yang menyambungkan Asia ke Eropah, dan berfungsi sebagai pelindung kepada pengangkutan rempah-ratus yang bernilai tinggi di pasaran Eropah.

## 48

**Waldseemüller, Martin** (1470–1519)  
*Carta marina navigatoria Portugallen navigationes, atque tocius cogniti orbis terre marisque formam naturam situs et terminos nostris temporibus recognitos et ab antiquorum traditione differentes, eiam quor vetusti non meminervnt avtores, hec generaliter indicat*

1 map on 12 sheets,  
128 × 233 cm, sheets  
46 × 63 cm or smaller  
(original sizes)  
Library of Congress  
Geography and Map  
Division Washington,  
D.C. USA

*Carta marina navigatoria Portugallen navigationes* (carta pandu arah laut bagi pelayaran Portugis) merupakan sebuah peta yang dihasilkan oleh ahli kartografi Jerman iaitu Martin Waldseemüller pada tahun 1516. Peta ini dicetak di atas 12 muka surat berasingan yang kemudiannya boleh digabungkan menjadi peta dinding.

Peta ini menjadi tanda kepada peralihan daripada kesepakatan dalam kerja penghasilan peta oleh orang Eropah yang sebelum ini bergantung kepada wibawa karangan geografi klasik Ptolemy. Waldseemüller mengekalkan beberapa kesepakatan dalam lakaran-lakaran peta yang memiliki makna-makna politik tertentu seperti Raja Portugal yang menunggang seekor igitan gergasi di bahagian bawah peta. Selebihnya, peta ini memberi tumpuan kepada apa yang diketahui dan dicatatkan sahaja. Wilayah-wilayah andaian yang tidak diketahui tidak dimasukkan sama sekali. Waldseemüller melengkapkan peta ini dengan pelbagai catatan, lakaran, dan perhiasan yang penuh dengan percincian yang bersifat ensiklopedia. Kebanyakannya dirujuk daripada buku-buku dan catatan-catatan tentang tanah-tanah dan masyarakat-masyarakat eksotik baharu seperti Afrika, Asia, dan Amerika yang baru diterbitkan.

Antara lakaran-lakaran yang dimasukkan adalah seperti Maharaja Khan di China, seekor badak sumbu, gambaran terawal seekor possum dari Eropah, Sati, atau amalan dalam agama Hindu yang memaparkan seorang balu meratapi ungun pembakaran

mayat suaminya, dan lain-lain. Waldseemüller menggelarkan benua baharu itu sebagai Terra Nova. Terdapat satu keterangan yang menyebutkan bahawa Cuba adalah sebahagian daripada Asia (Terra de Cuba — Asia Partis). Ia menjelaskan tanggapan salah Columbus yang mengatakan bahawa beliau sudah tiba di pesisir pantai China dan Jepun sedangkan beliau sebenarnya berlabuh di Cuba.

---

49

Ahmad Fuad Osman  
*Portrait of Prince  
Henry The Navigator*  
(1394–1460)  
2018  
Cat minyak atas kanvas

Infante D. Henrique dari Portugal, Duke Visue yang lebih dikenali sebagai 'Prince Henry the Navigator', dipercayai menjadi tokoh penting di awal zaman Empayar Portugis serta dalam usaha penemuan dan pengembangan maritim Eropah pada abad ke-15. Melalui arahan pentadbirannya, beliau dianggap sebagai pengasas utama Zaman Penemuan.

---

50

Ahmad Fuad Osman  
*King Dom Manuel I*  
(1469–1521)  
2018  
Cat minyak atas kanvas  
56 × 48 cm

Raja Dom Manuel I yang dikenali dengan gelaran 'Yang Beruntung', merupakan Raja Portugal yang bertakhta sejak tahun 1495 sehingga 1521. Apabila beliau menolak cadangan Magellan, Magellan mencari bantuan Raja Sepanyol dan kemudiannya mengisytiharkan taat setianya kepada Sepanyol. Hal ini telah menaikkan kemarahan Dom Manuel I sehingga raja tersebut mengucilkan seluruh ahli keluarga Magellan dan menurunkan mercu tanda keluarga Magellan yang terdapat di dalam rumah Magellan di Sarbosa, Portugal.

---

51

Ahmad Fuad Osman  
*King Charles V*  
(1500–1558)  
2018  
Cat minyak atas kanvas  
66 × 58 cm

King Charles V (1519–1558) dari Empayar Suci Rom (serta King Charles I dari Sepanyol, sejak 1516) menyokong cadangan Magellan untuk berlayar ke arah barat menuju ke Kepulauan Rempah walaupun mendapat kritikan dan penentangan daripada istananya.

---

52

Ahmad Fuad Osman  
*Portrait of Ferdinand  
Magellan (c. 1480–1521)*  
2016  
Cat minyak atas kanvas  
55 × 43 cm

Ferdinand Magellan merupakan seorang pelayar berpengalaman yang lahir dalam sebuah keluarga bangsawan Portugis sekitar tahun 1480. Beliau mendapat bantuan daripada King Charles I dari Sepanyol untuk mencari laluan barat ke 'Pulau Rempah', (Kepulauan Maluku). Dengan menentuai lima buah kapal, beliau belayar merentasi Lautan Atlantik dan mengembara ke selatan Patagonia, melewati Selat Magellan sehingga sampai ke lautan yang beliau namakan sebagai 'laut damai'. Pada hari ini, lautan tersebut dikenali sebagai Lautan Pasifik. Pengembaraan tersebut tiba di Kepulauan Rempah pada tahun 1511, tahun yang sama Magellan mati terbunuh dalam Peperangan Mactan di Filipina. Walaupun Magellan tidak menamatkan satu pusingan pelayaran, beliau tetapi dianggap sebagai salah seorang pengembara yang terbaik di dunia.

---

53

Santo Niño  
(tarikh tidak diketahui)  
Gading  
8 × 3 × 2.3 cm

Objek ini merupakan sebuah arca Jesus Kanak-Kanak (atau Santo Niño) dan diukir daripada sebatang gading kecil. Arca Jesus dalam rupa Kanak-Kanak memiliki makna istimewa dalam sejarah agama Kristian di Filipina. Arca Santo Niño tertua yang kini dikatakan terletak di Cebu merupakan sebuah hadiah daripada Magellan kepada Rajah Humabon dan Permaisurinya sebagai buah tangan baptis selepas mereka memeluk agama Kristian pada tahun 1521.

---

**54** *St. James's Cross*  
Perak bersalut  
emas 24 karat  
4.2 × 6.2 cm

Salib Santa James atau turut dikenali sebagai salib Santiago atau *cruz espada*. Santa James merupakan Santa penaung bagi Sepanyol. Lukisan-lukisan potret Ferdinand Magellan menunjukkan bahawa beliau memakainya sebagai tanda kesetiaan kepada raja Sepanyol.

---

**55** *Paternoster*  
Stone beads on string  
44 × 83 cm

Tasbih atau *Paternoster* (istilah Latin bagi Doa Bapa Kami) abad ke-16.

---

**56** *Theodore de Bry*  
(1528–1598)  
*Ptolemy* (printed, c. 1673)  
2018  
Line engraving  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
28 × 25 cm

---

**57** *John Ogilby*  
*Magellanus*  
(printed, c.1671)  
2018  
Altered line engraving  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
28 × 25 cm

---

**58** *Ahmad Fuad Osman*  
*Enrique de Malacca*  
2019  
Cetakan UV atas kertas  
28 × 25 cm

---

**59** *Ahmad Fuad Osman*  
*Portrait of Antonio*  
*Lombardo Pigafetta*  
(c. 1491–c. 1531)  
2016  
Cat minyak atas kanvas  
45 × 37 cm

Antonia Pigafetta, seorang sarjana dan pengembara Itali, merupakan salah seorang daripada 18 orang (daripada sekurang-kurangnya 260 orang dalam pelayaran Magellan-Elcano) anak kapal yang berjaya pulang ke Sepanyol pada tahun 1522 selepas tiga tahun berlayar.

Pelayaran tersebut dianggap sebagai pelayaran mengelilingi dunia yang pertama. Selepas Magellan mati terbunuh di pulau Mactan, Juan Sebastián Elcano mengambil peranan sebagai kapten dalam pelayaran tersebut. Terdapat banyak maklumat tentang pelayaran ini diperolehi daripada catatan-catatan yang ditulis oleh Pigafetta. Antaranya adalah seperti peranan Enrique sebagai penterjemah. Catatan-catatan ini turut mengisahkan tentang Enrique yang melarikan diri selepas abang ipar Magellan iaitu Barbosa tidak mahu membebaskan beliau seperti yang diwasiatkan oleh Magellan.

---

**60** *Journal of Pigafetta 1525*  
Bound English translation book (1969)  
25.5 × 18.5 cm

Antonio Pigafetta menuliskan catatan bagi pelbagai peristiwa yang dilaluinya sewaktu berlayar bersama Ferdinand Magellan. Catatan asal sudah tidak wujud lagi. Walau bagaimanapun, Pigafetta menulis semua catatan tersebut antara tahun 1522 dan 1525 dengan satu versi dalam bahasa Itali dan tiga versi lain dalam bahasa Perancis. Catatan-catatan ini memaparkan 23 buah lakaran peta dan menerangkan tentang masyarakat dan bahasa yang terdapat di Kepulauan Melayu. Kisah tentang Enrique de Malacca dan peranannya dalam pelayaran tersebut diperolehi daripada catatan-catatan ini.

---

**61** *Armada yang disertai oleh Enrique de Malacca dikenali sebagai Armada del Maluco, yang diambill daripada Kepulauan Rempah Indonesia. Armada ini terdiri daripada lima buah kapal dan lengkap dengan bekalan yang cukup untuk pelayaran selama dua tahun.*

Senarai ini sedikit-sebanyak memberi gambaran terhadap bekalan yang digunakan oleh para kelasi di laut. Dalam senarai bekalan ini, makanan adalah yang paling banyak, dan bernilai hampir sama dengan nilai kelima-lima kapal tersebut. Hampir 80 peratus daripada bekalan makanan itu terdiri daripada dua bahan—wain dan sejenis biskut kelasi yang dikenali sebagai 'hardtack'. Sesekali, bekalan daging diperolehi dalam bentuk haiwan ternakan seperti tujuh ekor lembu dan tiga ekor babi.

---

**62** **Jan Huygen Van Linschoten, c. 1596**  
Ukiran  
9.8 × 13.5 cm  
(original size)

Lakaran berbentuk turisan ini memaparkan kapal Victoria, salah satu daripada lima buah kapal dalam pelayaran Magellan. Ia merupakan satu-satunya kapal yang berjaya mengelilingi dunia dan terselamat dalam pelayaran tersebut. Turisan ini diterbitkan pada halaman judul dalam buku tulisan Linschoten iaitu *Itinerario* (1596). Dalam keterangan yang disertakan bersama, kapal tersebut dialegorikan sebagai sebuah lambang kemenangan yang sukar diperoleh, dan dianggap sebagai saksi kepada pelayaran bersejarah itu. Di sini, Kapal Victoria berbicara kepada pembaca *Itinerario*:

*“Prima Ego velivovis ambivi cursibus orbem, Magellane novo te duce ducta freto. Ambivi, meritoque vocor Victoria : sunt me vela, alae; precium, gloria : pugna mare de magell navi”*

*“Aku adalah kapal pertama yang berlayar mengelilingi dunia, dan pertama-tama membawa kamu, Magellan, ketua, melayari pelbagai selat. Aku berlayar mengelilingi dunia, maka aku layak digelar Victoria (Kemenangan), layarku adalah sayapku, habuanku adalah kemuliaan, dan lawanku adalah laut”.*

---

**63** **Theodor De Bry, Magellan (based on a drawing by Johannes Stradanus)**  
1594  
Ukiran  
14.4 × 19.6 cm

---

**64** **Magellan's Compass (c. 16<sup>th</sup> century)**  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
17.5 × 25.5 cm

Kompas dan peralatan nautika dari awal abad ke-16 seperti mana yang diterangkan oleh Antonio Pigafetta dalam catatan beliau tentang pengembaraan Magellan mengelilingi dunia. Terdapat juga beberapa buah kompas dan peralatan nautika lain yang dihasilkan semata-mata untuk pelayaran tersebut.

---

**65** **Astrolabe (c. early 16<sup>th</sup> century)**  
Gangsa  
17 × 0.4 cm

Astrolab ini mungkin dihasilkan di Portugal sekitar awal abad ke-16. Astrolab ini sepatutnya memiliki lima kepingan tambahan yang secocok dengan pelbagai kawasan penting kepada para pelayar zaman dahulu seperti Afrika Barat dan Selatan, Brazil, Amerika Selatan, dan Melaka. Peralatan ini boleh menentukan waktu pada siang hari, senja, dan fajar. Astrolab ini digunakan untuk memandu arah pelayaran waktu malam dengan membaca susun atur bintang samawi.

---

**66** **Patagonian Giants Frontispiece to the first Italian edition of John Byron's A Voyage Round the World in His Majesty's Ship, 1768.**  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
28 × 25 cm

Lakaran ini memaparkan seorang pelayar yang sedang menghulurkan roti kepada seorang perempuan gergasi Patagonia. Gergasi Patagonia merupakan sebuah kaum yang dikatakan berukuran sepuluh-kaki

tinggi, tidak suka bermusuhan, dan peramah. Sebenarnya, lakaran ini merupakan gambaran masyarakat Indian Tehuelche iaitu masyarakat asli di kawasan Patagonia di Argentina yang diperlebihi-lebihkan.

Pada tahun 1520, terdapat catatan yang mengatakan bahawa para ‘gergasi’ ini ditawan dan dibawa berlayar bersama Magellan. Walau bagaimanapun, para tawanan ini tidak terselamat dalam perjalanan merentasi Lautan Pasifik.

---

**67** **Petrus Bertius (1565–1629)**  
**‘Fretum Magellanicum’, 1602**  
Copperplate, with added colour  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
25 × 28 cm

Peta Selat Magellan dan Tierra del Fuego ini memaparkan laluan di sekitar benua yang pada waktu itu dianggap sebagai laluan terpendek antara Lautan Atlantik dan Pasifik. Selat ini terletak di antara tanah besar Amerika Selatan dan kepulauan Tierra Del Fuego. Magellan mengambil masa 38 hari untuk berlayar dengan tiga buah kapal sejauh 350 batu meredah kepulauan, teluk, dan selat sebelum memasuki Lautan Pasifik.

Keunikan peta ini terletak kepada lakaran Gergasi Patagonia iaitu sebuah masyarakat dongeng berbadan besar yang pertama kali disebutkan oleh Antonio Pigafetta dalam catatan pelayarannya. Nota yang ditulis oleh Bertius di bahagian tepi lakaran tersebut menyebutkan bahawa para gergasi yang berketinggian sepuluh kaki itu mewarnakan tubuh mereka dengan warna-warna yang diambil daripada pelbagai jenis herba.



# Mare Liberum (High Seas)

**68** Unknown author, c.1050AD, Egypt  
*Kitab Ghara'ib al-funun wa-mulah al-'uyun (The Book of Curiosities of the Sciences and Marvels for the Eyes; The Book of Strange Arts and Visual Delights), c.1050 CE, Egypt*

Map of the Indian Ocean: Book 2, Chapter 7: "On the cities and forts along the shore [of the Indian Ocean]" (MS. Arab. c. 90, fols. 29b–30a). Collection of Bodleian Library, University of Oxford, UK

*Kitab ghara'ib al-funun wa-mulah al-'uyun* yang secara harfiahnya boleh diterjemahkan sebagai *Kitab Dahaga Ilmu dan Halwa Mata* merupakan sebuah karangan kosmografi Arab. Manuskrip ini berada dalam simpanan Bodleian Library di Oxford University. Manuskrip yang dihasilkan di Mesir pada akhir abad ke-12 ini merupakan salinan bagi sebuah himpunan tanpa nama dari abad ke-11. Karangan ini disertakan dengan pelbagai gambar rajah yang memaparkan alam geografi dan cakrawala.

Lakaran ini memaparkan Lautan Hindia. Lautan tersebut dipaparkan dengan warna hijau dalam ruang bujur yang merentangi dua halaman. Tanda-tanda yang mengelilingi lautan tersebut adalah bandar-bandar pelabuhan yang terdapat di koridor perdagangan yang luas itu. Bahagian kiri lakaran menyenaraikan nama-nama bandar yang terletak di bahagian hujung Lautan Hindia, dan di bahagian

kanan lakaran terdapat nama-nama bandar di Asia.

Di bahagian bawah sebelah kanan, terdapat senarai tempat di Asia Tenggara, termasuklah kemungkinan gambaran Filipina yang pertama. Para sarjana mengatakan bahawa Armã'il mungkin sebenarnya Baru-Manil iaitu teluk Manila di Filipina. Gunung berwarna merah yang membonjol ke laut di bahagian bawah kanan adalah gunung berapi yang terletak di Laut China Selatan. Ada sumber-sumber Islam lain yang meletakkannya berhampiran Jawa. Bulatan yang terletak di tepi gunung berapi tersebut ditandakan sebagai 'pulau Benumah'. Para sarjana percaya bahawa ia sebenarnya Betumah iaitu pulau Tioman yang merupakan sebuah pulau penting dari segi sejarah kerana bukit-bukaunya menjadi mercu tanda bagi pemanduan arah pelayaran serta menjadi tempat tempat kapal-kapal yang sedang dalam pelayaran antara China dan India menambah bekalan air tawar.

**69** Mao, Yuanji, *Wu bei zhi*  
Wood block print on paper  
20.5 pages (originally a 20.5 cm × 560 cm strip map)  
c. 1594–1640.  
Library of Congress Asian Division  
Washington, D.C. USA

Peta Mao Kun yang turut dikenali sebagai peta pandu arah Zheng He ini merupakan satu set carta pandu arah yang diterbitkan dalam karangan ketenteraan semasa dinasti Ming yang berjudul *Wubei Zhi*. Ia memaparkan Kawasan geografi China timur, Asia Tenggara dan Selatan, Arab, dan Afrika Timur. Selain daripada itu, ia turut memaparkan sebanyak 570 buah pulau, kota, dan pelbagai tempat lain lagi.

Untuk memahami kerangka peta ini dengan lebih lanjut, sila lihat peta Mao Kun versi interaktif di: <http://zhenghe.rslc.us/>

**70** Francisco Rodrigues, c. 1513  
*Folio 34 of O Livro de Francisco Rodrigues (The Book of Francisco Rodrigues) c. 1513*  
Collection of La Bibliotheque de l'Assemblée nationale, Palais Bourbon, Paris, France

Tujuan Portugis menakluk Melaka pada tahun 1511 adalah untuk mendapatkan dan menguasai sumber-sumber rempah-ratus yang sangat tinggi nilainya. Francisco Rodrigues merupakan seorang pelayar yang berlayar ke kepulauan Rempah di Maluku pada tahun 1511–1512. Beliau kemudiannya menerbitkan *O Livro de Francisco Rodrigues (Buku Francisco Rodrigues)*. Terdapat sekeping peta dalam manuskrip tersebut yang

memaparkan semenanjung Tanah Melayu dan bahagian utara pulau Sumatra. Perkara yang menarik di sini adalah, sewaktu Rodrigues melukiskan petanya, beliau jujuk peta-peta dan berbincang dengan para pemandu arah setempat. Walaupun tidak banyak peta pribumi alam Melayu yang terselamat, banyak catatan yang ditulis oleh para pengembara awal Eropah menjelaskan bahawa mereka bergantung kepada orang setempat yang lebih biasa dengan geografi di rantau itu berbanding orang Eropah. Peta-peta awal lakaran orang Eropah yang mengandungi tradisi pengetahuan pemetaan tempatan ini tidak lagi wujud pada hari ini.

---

**71** H.C. Folkard  
*Paduakan (padewakang)  
ships of Celebes (1863)*

*Padewakang* merupakan perahu tradisional yang digunakan oleh orang Bugis, Mandar, dan Makassar dari Sulawesi Selatan. *Padewakang* digunakan untuk pelayaran jarak jauh bagi kerajaan-kerajaan Sulawesi. Berat perahu ini adalah antara 20 dan 50 tan. Ia dilengkapi dengan satu atau dua kelasi dengan layar tanja. Seperti perahu layar tradisional lain yang terdapat di kepulauan ini, perahu ini menggunakan kemudi dua suku. Pada kebiasaannya, perahu-perahu ini dilengkapi dengan meriam yang dikenali sebagai *cetbang* atau *lantaka*. *Padewakang* merupakan perahu terbesar di Sulawesi Selatan dan digunakan untuk membawa kargo ataupun untuk tujuan peperangan. Perahu-perahu ini berlayar di berbagai tempat seperti di New Guinea barat, wilayah-wilayah selatan Filipina, malah ke Selat Melaka.

---

**72** A Malay map of Perak, 1876, from W.E. Maxwell's notes, MS 46943, Royal Asiatic Society, London, as published in Perak: *The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth Century Malay State* by Barbara Andaya (1979).

Walaupun peta ini dilakar pada waktu-waktu terkemudian, ia mungkin dilakar berdasarkan sebuah peta awal abad ke-18 yang menawarkan contoh-contoh langka bagi konsep-konsep dan tradisi pelukisan peta pribumi. Peta ini memaparkan Kesultanan Perak tetapi menawarkan sudut pandang yang khas tentang konsep kedaulatan bagi sesebuah kerajaan Melayu. Di dalam peta ini, sungai digambarkan sebagai sumber utama bagi kesejahteraan ekonomi dan juga kawalan politik. Kemampuan untuk mengawal sungai-sungai turut bermaksud kemampuan seseorang menteri istana untuk mengenakan cukai kepada perdagangan timah dari hulu ke hilir yang melalui sungai-sungai Perak dan cawang-cawangnya. Dalam sistem Feudal, pangkat-pangkat dikurniakan bersama wilayah-wilayah kepada para penyokong setia dan mereka yang berhubungan rapat dengan Sultan.

Peta ini memaparkan sebatang kolom yang membahagikan halaman tersebut kepada dua bahagian; tiang tersebut mewakili sungai utama iaitu sungai Perak. Petak empat segi yang terletak di tengah-tengah peta mewakili Sultan yang juga merupakan seorang nakhoda. Cawang-cawang sungai dinyatakan berdasarkan jawatan-jawatan dan pangkat-pangkat tertentu. Peta ini menjelaskan bahawa sempadan-sempadan negara-bangsa pada masa dahulu adalah tidak penting bagi sesebuah kerajaan Melayu. Hutan luas di bahagian luarnya merupakan penempatan bagi

orang asli di Malaysia. Dalam hal ini, perkara yang ditonjolkan oleh peta ini mencerminkan pengetahuan-pengetahuan yang dianggap penting oleh masyarakat. Peta ini menjelaskan bahawa kedaulatan politik Melayu terletak kepada penguasaan terhadap laluan-laluan dalam rangkaian penawaran ekonomi.

---

**73** *A scrimshaw of ships on the voyage across the Pacific Ocean engraved on a whale bone.*  
78 × 7 × 4 cm

---

**74** *Sundial (c. 16<sup>th</sup> century)*  
Animal bone  
19.7 × 7 × 0.8 cm

Jam matahari yang digunakan untuk menentukan waktu pada siang hari ini merupakan sebuah peralatan pandu arah yang sama pentingnya dengan kompas. Para pemandu arah boleh menganggarkan kedudukan kapal dengan mengukur arah kompas dengan waktu yang telah berlalu. Magellan dan awak-awaknya mengambil masa lebih kurang 98 hari untuk berlayar merentasi Lautan Pasifik.

---

**75** *Kamal (c. 9<sup>th</sup> century)*  
2016  
Replica  
Wood and string  
11 × 6.2 × 0.7 cm

Peralatan pandu arah samawi dari dunia Arab abad ke-19 yang dikenali sebagai *Kamal* atau dalam bahasa Arab bermaksud "pandu". Ia merupakan salah satu daripada peralatan pandu arah terawal yang digunakan untuk menentukan latitud. Alat ini diperbuat daripada kayu, tali, dan batu magnet.

---

**76** *Islamic Celestial Globe*  
(c. late 19<sup>th</sup> century)  
Probably from India  
Loyang  
17 × 14 × 17 cm

---

**77** *Enrique's name in Magellan's Last Will and Testament*

Wasiat terakhir Ferdinand Magellan yang ditulis pada hari Rabu, 24 Ogos 1519 di Seville, Sepanyol antara lain menyebut: "Dan dengan pesanan dan wasiat ini, saya mengisytiharkan dan mentahbiskan bahawa hamba tawanan saya yang bernama Enrique, mulatto, orang kota Melaka yang berumur lebih kurang dua puluh enam tahun, dibebaskan dan dilepaskan daripada segala kewajipan sebagai orang tawanan, penguasaan, dan penghambaan yang dikenakan ke atasnya, bahawa bermula dari hari kematian saya sehinggalah selamanya, Enrique mesti dibebaskan dan dimerdekakan, dan lepas, dikecualikan, dan terhapus daripada segala tanggungjawab perhambaan dan ketertawanan, bahawa beliau dipersilakan untuk berbuat segala apa yang beliau suka dan rasakan sesuai; dan saya berkehendakkan harta saya di sana diberikan kepada Enrique dalam bentuk wang sebanyak sepuluh ribu maravedi atas bantuannya; dan pembebasan abdi ini saya lakukan kerana beliau adalah seorang yang beragama Kristian, dan untuk itu beliau boleh berdoa kepada Tuhan ke atas jiwa saya."

---

**78** *Battle of Mactan-type Kampilan* c. 1700s  
Wood, steel, horse hair  
Sword: 84 × 10 × 3 cm  
Scabbard:  
88 × 7 × 1.7 cm

Kampilan merupakan sejenis pedang yang paling banyak dicatatkan oleh Sepanyol semasa penjajahan mereka di Filipina selama tiga abad. Hulunya ditempa satu mata dan pemegangnya pula diukir seperti mulut seekor reptilia (buaya, biawak, or naga). Pada kebiasaannya, bahagian hujung pemegang pedang ini ditampalkan dengan rambut kuda. Pedang ini dicipta untuk melakukan tetakan maut sekali hayung.

---

**79** *Battle of Mactan-type shield* c. 1700s  
Kayu, ratan  
93 × 38.5 × 13 cm

Di Filipina, perisai ini dikenali sebagai *kalasag*. Ia diperbuat daripada kayu keras yang hanya terdapat di Filipina. Perisai tidak berhias ini diikat dengan rotan serta damar dan digunakan semasa peperangan. Bentuknya masih digunakan sebagai sebahagian daripada alat-alat kebesaran dan jatah negara Filipina.

---

**80** Petrus Kaerius  
*Insulae Philippinae*  
(printed, 1598)  
2018  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
24 × 25 cm

Peta Filipina pertama yang dilukiskan secara terperinci oleh Petrus Kaerius (1565–1629). Peta ini memaparkan lakaran segugus pulau dan kata-kata yang berbunyi: "penduduk kanibal tanpa undang-undang".

---

**81** Unknown Author  
*Boxer's Codex*, c. 1590  
Koleksi  
Lilly Library,  
Indiana University

*Boxer Codex* merupakan sebuah manuskrip Sepanyol yang dihasilkan di Filipina pada akhir abad ke enam belas. Terdapat sebanyak 270 halaman yang mengisahkan tentang pelbagai tempat, masyarakat dan adat ini dalam bahasa Sepanyol. Peri penting manuskrip ini terletak kepada tujuh puluh lima buah lakaran berwarna yang menggambarkan masyarakat China, Filipina, Jawa, Moluccas, Ladrones, dan Siam. Lakaran-lakaran ini menjadi sebuah rakaman penting tentang cara orang berpakaian dan perhiasan serta kelengkapan yang menjadi sebahagian daripada pakaian mereka pada awal zaman moden di Asia Tenggara dan Timur. Tambahan lagi, manuskrip ini turut mengandungi sebanyak lapan puluh lapan lukisan dewa dan hantu dongeng serta burung-burung serta binatang-binatang yang sebenar dan juga dongeng. Kebanyakan daripada lakaran ini berasal daripada ikhtisar China tentang fenomena pelik dan luar biasa. Lakaran-lakaran ini dikatakan dilukis oleh para pelukis komersil China yang tinggal di Manila semasa penjajahan Sepanyol.

---

**82** Pelbagai jenis kapal yang terdapat dalam buku *Historia de Las Islas e Indios Bisayas*, karya Francisco Alcina (1668).

---

**83** Francisco Alcina's *Historia de Las Islas e Indios Bisayas*, 1668

Sebuah lakaran daripada *Historia de las Islas e Indios de Bisayas* yang memaparkan seorang horo-han (pendekar biasa) Visayan bertatu sambil memegang sebatang pen-dayang (bungsay) berbentuk daun. Horo-han bertugas sebagai penda-yung dan pendekar kepada karakoa. Mereka duduk di atas platform (daramba) yang diletakkan di atas lunjuran.

---

**84** Magellan's *Circumnavigation of the Earth, from the Portolan Atlas by Battista Agnese*, c. 1544.

Arah pelayaran Ferdinand Magellan mengelilingi dunia dari tahun 1519–1521 dipaparkan di dalam peta yang menggunakan unjuran Mercator ini. Unjuran Mercator merupakan sebuah peta unjuran silinder yang diperkenalkan oleh seorang ahli geografi dan kartografi Flemish iaitu Gerardus Mercator pada tahun 1569. Sementara semua unjuran peta mengherot-benyotkan susun atur sebenar permukaan Bumi, unjuran Mercator dihasilkan untuk membantu dalam pemanduan arah laut. Dengan meluasnya perdagangan dan kuasa penjajah Eropah, unjuran pemetaan disepakati sebagai cara kita menggambarkan dunia, dengan Utara terletak di bahagian atas dan Selatan terletak di bahagian bawah peta. Oleh yang demikian, kemampuan untuk menggambaran keseluruhan dunia dengan terperinci merupakan legasi yang ditinggalkan oleh pelayaran Magellan yang menyayat hati itu.

---

**85** Antonio Pigafetta *Journal Maps of Magellan's Voyage to the Spice Islands* (c. 1521)  
Faksimil:  
Cetakan UV atas kertas  
21 × 14 cm

Lakaran-lakaran ini merupakan sebahagian daripada 23 buah peta berwarna hasil lukisan tangan yang terdapat di dalam manuskrip-manuskrip catatan Antonio Pigafetta. Jurnal Pigafetta mengandungi laporan langsung tentang pelayaran Magellan-Elcano yang mengelilingi dunia. Hanya 4 dari manuskrip tersebut terselamat: satu dalam bahasa Itali dan tiga dalam bahasa Perancis.

---

**86** *Battle of Mactan 1521*  
Ukiran  
Faksimil: Cetakan UV  
atas kertas  
36 × 25 cm

Ukiran dari E. Benjamin Andrews 'History of the United States', from the 'Earliest Discovery of America to the Present Time'. (1913).

Mactan merupakan sebuah pulau yang sangat sesak. Ia terletak beberapa kilometer dari Pulau Cebu di Filipina. Pertarungan Mactan terjadi pada waktu subuh 27 April 1521. Magellan dikatakan terbunuh dalam pertarungan tersebut akibat menerima pukulan maut daripada Lapu Lapu, seorang Datu (ketua) Mactan.

---

**87** *Frottage of Lapu Lapu's Monument*  
Mactan, Philippines  
2016  
Krayon atas belacu  
81.5 × 106.5 cm

## WHAT DO YOU THINK?

Please share your photos and experiences at the exhibition with the hashtags #ilhamgallerykl

Find us on Instagram or Facebook

[@ilhamgallerykl](#)

## APA PENDAPAT ANDA?

*Sila kongsi foto dan pengalaman melawat pameran dengan tanda pagar #ilhamgallerykl*



*Ikuti kami di laman Instagram atau Facebook [@ilhamgallerykl](#)*

ILHAM 

Levels 3 & 5, Ilham Tower  
No. 8, Jalan Binjai  
50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

Opening hours:  
Tue – Sat 11am – 7pm  
Sun 11am – 5pm.  
Closed on Mondays  
and public holidays.

Waktu lawatan:  
Selasa – Sabtu 11pg – 7ptg  
Ahad 11pg – 5ptg.  
Tutup pada setiap Isnin  
dan cuti awam.

   [ilhamgallerykl](#)  
[www.ilhamgallery.com](http://www.ilhamgallery.com)

## VISITOR GUIDELINES

To protect the artworks from damage, we ask that visitors please refrain from touching any of the artworks on display.

Food and drinks are not allowed in the gallery.

While we do not allow flash, we do encourage photography in the gallery! Please instagram your favourite artwork with the hashtag **#ilhamgallerykl**—so we can share it on our page as well.

## GARIS PANDUAN UNTUK PENGUNJUNG

*Bagi mengelak karya-karya seni daripada ditimpa kerosakan, kami meminta para pengunjung untuk tidak sesekali menyentuh sebarang karya yang dipamerkan.*

*Makanan dan minuman tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam galeri.*

*Walaupun kami tidak membenarkan penggunaan denyar (flash) kamera, namun kami menggalakkan orang ramai mengambil gambar di dalam galeri kami! Sila labelkan imej instagram mana-mana karya yang anda gemari dengan **#ilhamgallerykl**—agar kami dapat juga berkongsi imej tersebut di laman web kami.*

